

BAB KELIMA

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1. KESIMPULAN

Bab ini adalah kesimpulan yang dirangkum secara umum berdasarkan data - data yang telah dianalisis dalam bab – bab yang terdahulu agar para pembaca mendapat suatu persepsi dan konsep yang jelas tentang isu pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah . Adalah perlu dijelaskan di sini bahawa isu pengabaian solat ini perlu dilihat sebagai isu nasional dan perlu ditangani oleh semua pihak kerana ia membabitkan remaja melayu Islam yang merupakan barisan pelapis negara ke arah menjadikan negara Malaysia sebagai negara Islam yang disegani di pentas antarabangsa .

Meskipun kajian yang dibuat hanyalah di peringkat sekolah - sekolah menengah di sekitar daerah Pasir Puteh , Kelantan . Namun , kajian ini merupakan sampel kajian terhadap isu yang sama yang melibatkan remaja Melayu Islam di seluruh sekolah – sekolah menengah di seluruh negara pada ketika ini . Di antara kesimpulan yang dapat diketengahkan tentang isu pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah adalah sebagaimana berikut ;

- a) Zaman remaja merupakan suatu zaman yang penuh dengan pergolakan dan cabaran hidup kerana pada peringkat ini remaja mengalami pelbagai perubahan sama ada dari sudut fizikal , emosi , budaya dan sebagainya . Islam telah menggariskan beberapa pertunjuk yang perlu diikuti oleh remaja dan di antara pertunjuk tersebut ialah mereka mesti memelihara dan mendirikan Solat Fardu . Dengan demikian , diri mereka akan terselamat dari terjebak ke lembah kemaksiatan dan perkara – perkara yang merosakkan diri .
- b) Syariat Islam telah meletakkan remaja sebagai peringkat permulaan untuk mereka memikul tanggungjawab agama seperti mendirikan solat , berpuasa , mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji jika mampu . Mereka telah dikenal pasti sebagai orang – orang yang telah *mukallaf* . Justeru , sekiranya mereka tidak melaksanakan rukun – rukun Islam seperti yang telah ditaklifkan ke atas mereka maka mereka tidak akan terlepas dari mendapat keseksaan azab neraka di akhirat kelak .
- c) Mendirikan Solat Fardu adalah di antara ciri- ciri yang membezakan seseorang yang beriman kepada Allah atau sebaliknya . Justeru , seseorang remaja Islam hendaklah mengerjakan Solat Fardu kerana ia menandakan remaja tersebut beriman kepada Allah Ta‘ala atau sebaliknya .
- d) Perbuatan mengabaikan Solat Fardu merupakan suatu kesalahan yang besar di sisi Agama Islam . Sesetengah *fuqahā’* berpendapat orang yang meninggalkannya dengan sengaja menjadi kafir atau fasiq . Justeru , seseorang

remaja Islam yang telah mengetahui kewajipan Solat Fardu tetapi mereka enggan mengerjakan Solat Fardu tanpa sebarang alasan yang dapat diterima di sisi Syāra' maka mereka tidak terlepas dari menjadi dua golongan di atas sama ada fasiq atau kafir .

e) Tahap pengamalan Solat Fardu adalah berbeza – beza di kalangan remaja Islam . Buktinya ialah peratusan pelajar remaja yang mengerjakan Solat Fardu secara konsisten hanyalah sebanyak 53.2 % manakala bakinya iaitu sebanyak 46.7 % lagi berpendapat mereka tidak konsisten di dalam mengerjakan Solat Fardu . Kenyataan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar remaja Islam iltizam dan konsisten dalam mengerjakan Solat Fardu .

f) Allah S.W.T. telah menyebut secara langsung tentang kesan- kesan buruk apabila seseorang Islam meninggalkan Solat Fardu .Kenyataan ini diakui sendiri oleh responden apabila mereka memberi jawapan sehingga 96.8 % bahawa perbuatan meninggalkan Solat Fardu mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka . Oleh itu , jelaslah bahawa timbulnya pelbagai gejala sosial yang membabitkan golongan remaja dewasa kini adalah sebahagiannya berpunca dari diri mereka yang tidak mendirikan Solat Fardu serta perintah – perintah Syāra' yang lain . Sekiranya para remaja mendirikan solat , maka sudah pasti segala kepincangan dan fenomena yang membabitkan diri mereka dapat diatasi atau dapat dikurangi sama sekali .

g) Wujudnya isu pelajar yang tidak menunaikan Solat Fardu adalah disebabkan oleh sikap ibubapa mereka sendiri yang tidak mengambil berat terhadap perintah penunaian ibadat solat di kalangan anak-anak mereka di rumah .Kenyataan ini diakui oleh kebanyakan remaja apabila seramai 62 orang atau 13.5 % dari mereka memberi jawapan bahawa sikap ibubapa merupakan faktor utama sama ada anak-anak mereka mengerjakan solat atau pun tidak .

h) Sifat malas dan sibuk dengan urusan lain merupakan di antara sebab utama kebanyakan pelajar remaja meninggalkan Solat Fardu . Kenyataan ini terbukti apabila seramai 77.8 % responden memberi jawapan bahawa punca utama mereka meninggalkan Solat Fardu adalah kerana malas dan sibuk dengan urusan lain . Sebagai seorang Islam , seseorang remaja tidak sepatutnya meninggalkan Solat Fardu kerana malas atau sibuk dengan urusan lain kerana sikap yang seperti ini mencerminkan bahawa mereka tidak mengambil berat terhadap urusan agama serta perintah – perintah Syāra' yang lain .

i) Tahap pengamalan Solat Fardu adalah berbeza – beza di kalangan remaja Islam . Buktinya ialah peratusan pelajar remaja yang mengerjakan Solat Fardu secara konsisten hanyalah sebanyak 53.2 % orang manakala bakinya iaitu sebanyak 46.7 % orang tidak konsisten di dalam mengerjakan Solat Fardu .Kenyataan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar remaja iltizam dan konsisten dalam mengerjakan Solat Fardu .

- j) Para pelajar Islam perlu diberi penekanan yang serius tentang asas-asas fardu ain terutama tentang ibadat solat dan rukun- rukun Islam yang lain agar mereka mendapat pengetahuan yang secukupnya dalam melaksanakan Solat Fardu dan rukun- rukun Islam yang lain .Kenyataan dipersetujui oleh sebahagian besar responden apabila mereka memberi jawapan sehingga 53.4 % bahawa mereka perlu dibimbing di dalam penunaian ibadat solat dan rukun- rukun Islam yang lain .
- k) Semua pihak yang bertanggungjawab seperti ibubapa , guru dan masyarakat hendaklah saling bekerjasama dalam memberi kesedaran kepada para remaja agar mereka mengerjakan Solat Fardu . Tanpa wujudnya kerjasama di antara ketiga - tiga pihak tersebut maka agak sukar untuk menjadikan remaja sekolah sebagai orang – orang yang istiqamah dalam menunaikan Solat Fardu .
- l) Dakwah secara berhikmah perlu diterapkan kepada para pelajar sekolah agar mereka mengerjakan Solat Fardu secara konsisten . Hal ini perlu dilakukan kerana remaja sekolah adalah berbeza dengan remaja biasa dari sudut umur , pembelajaran , kematangan dan tingkah laku . Oleh itu , mereka perlu dipimpin melalui pendekatan dan cara yang berbeza .

5.2. SARANAN

Setelah Penulis memberi kesimpulan terhadap data- data yang didapati dan dianalisis dalam bab yang terdahulu , penulis cuba mengenengahkan di sini beberapa saranan yang dirasakan perlu dan dapat membantu pihak - pihak yang tertentu dalam menyelesaikan isu pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah ;

1. Ibu bapa

- a) Ibubapa hendaklah meluangkan suatu masa yang khusus untuk mengajar anak- anak mereka tentang asas- asas mengerjakan ibadat solat dan hukum – hukum yang berkaitan dengan solat . Sekirannya mereka tidak mampu berbuat demikian , mereka hendaklah meminta pertolongan orang lain untuk mengajar anak – anak mereka tentang hukum solat . Saranan ini adalah sebahagian dari gesaan Rasulullah S.A.W. yang memerintahkan agar setiap ibubapa mengajar dan menyuruh anak- anak mereka supaya mendirikan solat setelah anak-anak mencelah usia tujuh tahun .
- b) Ibubapa hendaklah mengambil tindakan yang tegas terhadap anak- anak mereka yang enggan mengerjakan solat . Sikap ibubapa yang tidak menitikberatkan perintah dan hukuman ke atas anak- anak yang tidak mendirikan solat telah dikenal pasti sebagai punca utama kebanyakan anak – anak remaja meninggalkan Solat Fardu Justeru , ibubapa perlulah mengambil inisiatif serta tindakan yang sesuai agar anak – anak mereka ingin mendirikan solat .

2. Sekolah

- a) Para guru agama yang terlibat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam di setiap sekolah hendaklah berusaha dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memberi kesedaran kepada para pelajar yang beragama Islam tentang kepentingan mendirikan solat . Para guru hendaklah merancang aktiviti dan program yang tertentu agar para pelajar berkeinginan untuk mendirikan solat secara konsisten . Di antara program yang boleh dianjurkan oleh pihak guru ialah mengadakan kem motivasi solat atau program penghayatan solat yang boleh diadakan sekurang – kurangnya sekali sebulan melalui aktiviti Badan Dakwah atau Program Persatuan Pendidikan Islam di setiap sekolah .
- b) Menerbitkan buletin atau risalah dakwah yang mengandungi topik-topik dan perbincangan tentang permasalahan solat untuk diedar kepada semua pelajar . Risalah ini adalah sebahagian dari bahan bacaan tambahan kepada para pelajar untuk mereka menambah kefahaman tentang hukum-hukum ibadat solat dan asas – asas fardu ain yang lain . Penerbitan buletin ini boleh dikelolakan oleh Persatuan Pendidikan Islam atau Badan Dakwah dengan kerjasama guru- guru Penasihat Persatuan atau Badan tersebut di setiap sekolah .
- c) Mengenakan tindakan disiplin terhadap pelajar – pelajar yang tidak mengerjakan Solat Zuhur berjemaah di sekolah selepas tamat sesi pembelajaran pada setiap hari persekolahan . Cadangan ini adalah sebahagian dari langkah - langkah yang perlu diambil oleh pihak sekolah untuk

mengatasi masalah pelajar- pelajar yang selalu ponteng dan tidak mengerjakan Solat Fardu . Seterusnya , program solat Zuhur di setiap sekolah perlu dijadikan sebagai program harian yang wajib diikuti oleh semua pelajar untuk membiasakan diri mereka mengerjakan Solat Fardu secara berjemaah terutama apabila mereka berada di rumah .

d) Menganjurkan kelas – kelas bimbingan fardu ain kepada para pelajar yang lemah dan jahil tentang perkara - perkara asas fardu ain terutama pelajar – pelajar yang berada di Tingkatan Satu , Dua dan Tiga . Kelas ini boleh diadakan pada cuti hujung minggu dan ia juga berperanan sebagai kelas pemulihan agama kepada pelajar – pelajar yang bermasalah di setiap sekolah

e) Program solat berjemaah perlu dijadikan sebagai program yang wajib bagi pelajar - pelajar yang tinggal di asrama . Pihak warden asrama hendaklah sentiasa membuat pemantauan dari masa ke semasa agar kesemua pelajar yang tinggal di asrama menuaikan solat berjemaah di musolla sekolah . Cadangan ini adalah sebahagian dari latihan dan asas untuk mendidik para pelajar sekolah supaya mereka mengerjakan Solat Fardu secara konsisten .

f) Pihak sekolah melalui Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) hendaklah menganjurkan program tertentu kepada ibubapa pelajar agar mereka menitikberatkan perintah solat kepada anak- anak mereka di rumah . Cadangan ini diwujudkan sebagai suatu langkah untuk mempertingkatkan

kesedaran ibubapa pelajar tentang kepentingan mendirikan solat di kalangan anak-anak mereka sebagai salah satu faktor untuk mempertingkatkan kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik dan saksiah diri .

3. Masyarakat

- a) Pemimpin - pemimpin masyarakat seperti Wakil Rakyat , Penggawa dan Penghulu Kampung hendaklah turut serta menganjurkan program – program penghayatan ibadat solat kepada masyarakat setempat khususnya bagi menarik minat golongan dewasa , belia dan remaja supaya mereka mendekatkan diri dengan masjid .
- b) Ahli jawatankuasa Masjid di setiap kawasan hendaklah merancang dan mengadakan program – program tertentu bagi menarik minat penduduk setempat menuaikan solat berjemaah di masjid atau di surau – surau yang berdekatan .Di antara kegiatan yang boleh dianjurkan oleh ahli jawatankuasa tersebut ialah mengadakan majlis forum, ceramah dan kuliah agama yang membincangkan secara khusus tentang permasalahan ibadat solat dari sudut amali dan praktik . Selain itu , para imam sendiri hendaklah mengambil kesempatan melalui mimbar khutbah pada setiap hari Jumaat untuk menyeru orang ramai tentang kepentingan mendirikan solat serta keburukan meninggalkan Solat Fardu .

4. Kerajaan

- a) Menganjurkan kempen- kempen mendirikan solat seperti melancarkan kempen bulan Sembahyang sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri . Selain itu , Kerajaan juga hendaklah menggunakan saluran media sama ada media -massa atau media elektronik. untuk menyampaikan seruan dakwah kepada orang ramai supaya mereka memelihara dan mendirikan Solat Fardu .
- b) Agensi - agensi kerajaan yang terlibat dengan kegiatan dan hal-ehwal agama Islam di negara ini seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) , Pusat Islam , Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Agama Islam di setiap negeri hendaklah memperbanyak aktiviti dakwah kepada orang ramai dan di antara kandungan modul- modul dakwah itu adalah aktiviti -aktiviti yang terlibat dengan program penghayatan solat .
- c) Menggubal suatu peruntukan undang- undang yang membolehkan orang- orang yang tidak mengerjakan solat dikenakan hukuman yang setimpal . Hukuman ini berkuatkuasa ke atas semua orang dewasa dan remaja Islam yang telah *mukallaf* . Hukuman ini pula diletakkan dibawah bidang kuasa Mahkamah Syariah sama ada di peringkat negeri atau daerah . Dengan adanya hukuman yang sedemikian maka kebanyakkan orang Islam akan merasa takut untuk meninggalkan solat .